



**TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI (IPTA)**  
**DEPUTY DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION (PUBLIC HEIs)**  
 Jabatan Pendidikan Tinggi  
 Department of Higher Education  
 Aras 9, No.2, Menara 2  
 Jalan P5/6, Presint 5  
 62200 PUTRAJAYA  
 MALAYSIA



Tel. : 603-88706391  
 Faks : 603-88706841  
 Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

TERIMA  
 21 NOV 2016  
 PEJABAT TNC (P&I)

Ruj. Tuan :  
 Ruj. Kami : JPT(BEM)1000/011/06/012Jld.2(3)  
 Tarikh : 16 November 2016

**SENARAI EDARAN SEPERTI DALAM LAMPIRAN A**

PROF. DATUK DR. MOHD. HARUN ABDULLAH  
 Naib Canselor  
 Universiti Malaysia Sabah

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

18.11.16

**TAWARAN PROJEK PENYELIDIKAN IMPAK PELAKSANAAN PROGRAM CLMV (KEMBOJA, LAO PDR, MYANMAR DAN VIETNAM)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan, pada tahun 2012, Kementerian Pengajian Tinggi (kini dikenali Kementerian Pendidikan Tinggi) menetapkan sasaran untuk melaksanakan program pemasaran pendidikan di negara Kemboja, Lao PDR, Myanmar dan Vietnam (CLMV) sebagai Program Berimpak Tinggi (HIP). Inisiatif ini adalah penting bagi menyokong pelaksanaan dasar Inisiatif Ikatan Antarabangsa Pengajian Tinggi Malaysia yang bertujuan untuk membolehkan Malaysia menawarkan kepakaran dan pengalamannya dengan negara serantau dan juga negara membangun lain.

3. Sehingga kini, Program CLMV telah menawarkan sebanyak 44 geran penyelidikan yang bernilai RM4.4 juta kepada Universiti Awam (UA) serta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) di negara ini melalui 4 fasa mulai tahun 2012 sehingga 2015. Sehubungan dengan itu, Bahagian Education Malaysia akan menawarkan satu projek penyelidikan impak pelaksanaan program CLMV dijalankan bagi menilai impak hasil program ini yang telah berlangsung selama 5 tahun.

4. Sehubungan dengan itu, Bahagian Education Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi selaku sekretariat program ini menjemput para penyelidik daripada UA dan IPTS (bertaraf Universiti sahaja) di Malaysia untuk turut terlibat dalam penyelidikan ini. Bersama-sama surat tawaran ini, dilampirkan Tawaran Dan Garis Panduan Projek Penyelidikan Impak Pelaksanaan Program CLMV (**LAMPIRAN B**) untuk rujukan pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan. Tarikh tutup permohonan tawaran ini ialah **15 DISEMBER 2016**.

5. Sekiranya pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan terdapat sebarang pertanyaan, bolehlah menghubungi pegawai berikut:


**Encik Chua Yong Wei**  
Bahagian Education Malaysia  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Tel : 03 - 8870 6606  
Emel : chua@mohe.gov.my

6. Segala perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATIN PADUKA IR. DR. SITI HAMISAH BINTI TAPSIR)**  
Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (IPTA)  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Tinggi



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

---

## TAWARAN DAN GARIS PANDUAN PROJEK PENYELIDIKAN KAJIAN IMPAK PELAKSANAAN PROGRAM CLMV

Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN) telah memperkenalkan garis panduan projek penyelidikan untuk menyokong dan meningkatkan sektor pendidikan tinggi Malaysia di negara CLMV selari dengan hasrat Malaysia untuk menonjolkan kepakaran dan kesanggupan untuk menjalinkan kerjasama dengan negara CLMV dalam semua bidang termasuklah bidang penyelidikan dan pertukaran staf akademik dan pelajar. Pelaksanaan kajian impak dan relevan Program CLMV ini bertujuan untuk memantapkan Petunjuk Prestasi Utama [Key Performance Indicators (KPI)] dan *Return on Investment* (ROI) seperti yang ditetapkan oleh KPT.

### A. SYARAT PERMOHONAN

1. Penyelidik perlu menggunakan borang kertas cadangan yang disediakan untuk permohonan projek penyelidikan.
2. Penyelidik diminta menyediakan maklumat seperti berikut:
  - i) Senarai lengkap pasukan penyelidik dengan dinyatakan nama ketua penyelidik utama. Ringkasan biodata pasukan penyelidik hendaklah dilampirkan bersama mengikut contoh diberi.
    - Ketua penyelidik utama hendaklah dilantik daripada warganegara Malaysia.
  - ii) Ahli pasukan penyelidik hendaklah terdiri daripada pelbagai jenis institusi pendidikan tinggi, sekurang-kurangnya tiga buah IPT.
3. Siling penyelidikan: Maksimum: **RM50,000.00**
4. Tempoh pelaksanaan geran selama **6 bulan**.
5. Penyaluran dana penyelidikan akan mengikut prosedur kewangan IPPTN yang tertakluk kepada peraturan kewangan Universiti Sains Malaysia seperti:

- Penyaluran peruntukan kajian dibuat secara berperingkat kepada IPT terlibat.
- Cadangan penyaluran peruntukan adalah berdasarkan kepada perkembangan laporan kajian.

**Penyaringan Kertas Cadangan Penyelidikan**

1. Proses permohonan perlu disaring terlebih dahulu di peringkat IPT masing-masing.
2. Kertas cadangan yang telah diperakui oleh IPT masing-masing, hendaklah dimajukan kepada Sekretariat Program CLMV.
3. Setiap cadangan yang diterima akan dibuat saringan kedua oleh Jawatankuasa Penilaian Program CLMV.
4. Kertas cadangan kajian yang disenaraipendek akan diminta untuk membuat pembentangan kertas cadangan kepada Jawatankuasa Penilaian Penilaian Program CLMV.
5. Jawatankuasa Penilaian Program CLMV akan mencadang serta mengusulkan penambahbaikan kepada projek penyelidikan yang berpotensi.
6. Pihak Sekretariat Program CLMV akan memberikan maklum balas kepada semua pemohon secara bertulis. Pasukan penyelidik diminta untuk membuat penambahbaikan kertas kerja cadangan penyelidikan untuk disemak semula oleh Jawatankuasa Penilaian Program CLMV.
7. Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian Program CLMV adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang telah ditetapkan oleh BEM, JPT serta lain-lain garis panduan KPT.
8. Pihak Sekretariat akan mengeluarkan surat tawaran penyelidikan kepada pasukan penyelidik yang berjaya.

**B. TEMPOH KAJIAN**

1. Tempoh kajian ditetapkan sepertimana yang dinyatakan dan dipersetujui dalam Surat Tawaran dan Surat Setuju Terima.
2. Dapatan kajian perlu dibentangkan kepada Jawatankuasa Penilaian Program CLMV mengikut peringkat pelaksanaan kajian seperti berikut:  
Laporan : Dikemukakan dan dibentangkan kepada pihak pengurusan Sekretariat Interim Program CLMV/Jawatankuasa Penilaian Program CLMV selepas tiga bulan kajian dilaksanakan untuk tujuan penyaluran peruntukan penyelidikan seterusnya.

- Draf Laporan Akhir : Dikemukakan dan dibentangkan kepada pihak pengurusan Sekretariat Program CLMV/Jawatankuasa Penilaian Program CLMV selepas kajian selesai dilaksanakan.
- Laporan Akhir (hardcopy dan softcopy) : Dikemukakan dan/atau dibentangkan kepada pihak pengurusan BEM JPT, Sekretariat Program CLMV dan Jawatankuasa Penilaian Program CLMV selepas pemurnian laporan dibuat.

Nota:

- i) Laporan interim hendaklah disertakan dengan perincian perbelanjaan semasa.

Walaupun bagaimanapun, pihak Sekretariat Program CLMV berhak untuk memanggil penyelidik membuat pembentangan pada bila-bila masa yang diperlukan.

### **C. OBJEKTIF KAJIAN**

1. Antara objektif-objektif kajian impak dan relevan adalah seperti berikut:
  - a. Sejauh manakah Program CLMV memenuhi objektif penubuhan Program CLMV?
  - b. Sejauh manakah impak keseluruhan (kesan positif atau negatif) Program CLMV terhadap komuniti negara CLMV dan negara ini?
  - c. Sejauh manakah Program CLMV mendatangkan faedah kepada negara ini?

### **D. PENYALURAN DANA PENYELIDIKAN**

1. Dana penyelidikan untuk projek yang berkaitan akan disalurkan daripada KPT kepada IPPTN selaku penyelaras bersama dalam Program CLMV. Pihak IPPTN akan membuat penyaluran dana penyelidikan kepada IPT berkenaan. Bayaran pertama disalurkan selepas surat setuju terima tawaran penyelidikan dikemukakan kepada pihak Penyelaras. Penyaluran peruntukan seterusnya akan dibuat penyaluran mengikut laporan perkembangan pelaksanaan kajian sebagaimana yang dinyatakan dalam surat tawaran.
2. Penyaluran dana penyelidikan ke IPT berkenaan akan mengikut prosedur kewangan yang tertakluk kepada peraturan kewangan Universiti Sains Malaysia seperti:
  - i. Penyaluran peruntukan kajian dibuat secara berperingkat kepada IPT terlibat.
  - ii. Cadangan penyaluran peruntukan seterusnya adalah berdasarkan kepada laporan perkembangan pelaksanaan kajian.
  - iii. Pembayaran geran penyelidikan adalah seperti dalam jadual berikut:

Bil.	Kadar Bayaran	
1	Bayaran pertama	<p><b>50% daripada jumlah geran</b></p> <p>1. Proses penyaluran bayaran pertama hanya akan dibuat selepas Surat Setuju Terima yang lengkap dikemukakan kepada IPPTN oleh pasukan penyelidik.</p>
2	Bayaran kedua	<p><b>30% daripada jumlah geran</b></p> <p>2. Proses penyaluran bayaran kedua hanya akan dibuat selepas Laporan Interim kajian/laporan perkembangan pelaksanaan kajian dikemukakan dan/atau dibentangkan dalam Jawatankuasa Penilaian Program CLMV. Laporan ini perlu disertakan bersama dengan penyata kewangan projek.</p>
3	Bayaran ketiga	<p><b>20% daripada jumlah geran</b></p> <p>3. Proses penyaluran bayaran ketiga hanya akan dibuat selepas</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Draf laporan akhir dikemukakan dan/atau dibentangkan kepada pihak pengurusan BEM, Jawatankuasa Penilaian Program CLMV dan Sekretariat Program CLMV.</li> <li>ii) Draf laporan akhir perlu disertakan dengan penyata kewangan projek.</li> <li>iii) Penyerahan laporan akhir kajian dalam bentuk <i>hardcopy</i> dan <i>softcopy</i> seperti mana yang terkandung dalam surat tawaran.</li> </ul>

#### E. DELIVERABLES

1. Pihak pasukan penyelidik adalah dimestikan untuk memberikan data/maklumat secara *hardcopy* dan *softcopy* yang telah diperolehi dalam aktiviti projek penyelidikan dijalankan untuk simpanan dan rujukan Sekretariat Program CLMV. Data kajian di bawah Program CLMV akan dimasukkan dalam pangkalan data.
2. Laporan akhir penyelidikan yang akan dihantar kepada Sekretariat Program CLMV berdasarkan format yang telah ditetapkan. Laporan tersebut hendaklah dikemukakan kepada BEM, JPT dalam tempoh dua minggu selepas tamat tempoh penyelidikan. Penambahbaikan laporan selepas pembentangan adalah mengikut tempoh yang ditetapkan oleh KPT.
3. Selepas laporan akhir kajian dibentangkan kepada Jawatankuasa dan dibuat pemurnian laporan, perkara-perkara seperti berikut hendaklah dihantar kepada Sekretariat selewat-lewatnya satu bulan dari tarikh pembentangan:

- 3 naskah Laporan Akhir Kajian yang lengkap dan komprehensif termasuk abstrak dan ringkasan eksekutif dalam bentuk softcopy (CD) dan dalam bentuk MS Word.

**F. PENYATA KEWANGAN**

1. Penyata kewangan projek penyelidikan perlu dikemukakan bersama-sama dengan laporan perkembangan kajian, laporan akhir kajian dan apabila diminta oleh pihak Sekretariat pada bila-bila masa diperlukan.

**G. PENGURUSAN ASET PROJEK PENYELIDIKAN**

1. Penawaran geran penyelidikan adalah tidak termasuk pembelian peralatan/aset seperti komputer riba (*laptop*), kamera video, kamera digital, mesin pencetak (*printer*), mesin pengimbas (*scanner*), projektor LCD. Walau bagaimanapun, sekiranya peralatan/aset seperti yang dinyatakan sangat diperlukan, dan dibeli dengan menggunakan dana projek Program CLMV, maka peralatan/aset tersebut akan menjadi hak milik KPT dan penyelidik perlu mengembalikan peralatan/aset tersebut kepada IPPTN selepas kajian selesai dilaksanakan.
2. Pembelian aset perlulah dimaklumkan kepada Sekretariat Program CLMV terlebih dahulu.

**H. HAK MILIK KE ATAS LAPORAN KAJIAN, REKOD-REKOD DAN DOKUMEN BERKAITAN**

1. Semua laporan dan data yang berkaitan seperti peta, rajah, lukisan, statistik dan rekod atau bahan yang dikumpulkan atau disediakan dalam tempoh pelaksanaan kajian adalah sulit dan ianya menjadi harta milik KPT sepanjang masa penyediaan kajian dan selepas kajian selesai dilaksanakan.
2. Pihak penyelidik tidak boleh bertindak atau melakukan sebarang penyebaran hasil kajian tersebut tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada KPT. Pasukan penyelidik dipohon untuk mendapatkan kebenaran daripada KPT bagi tujuan penerbitan. Semua penerbitan yang dihasilkan daripada dapatan kajian perlukan dimaklum dan diserahkan satu salinan penerbitan kepada pihak Sekretariat untuk tujuan rekod dan makluman awam.

**I. NOTIS KELEWATAN OLEH PIHAK PENYELIDIK**

1. Sekiranya pasukan penyelidik menghadapi kesukaran dan menghadapi kelewatan dalam melaksanakan perancangan aktiviti kajian, maka pihak penyelidik hendaklah memohon pelanjutan tempoh pelaksanaan kajian kepada Sekretariat secara bertulis.
2. Kelulusan pelanjutan tempoh kajian dan penyediaan surat kelulusan oleh Sekretariat hanya akan disediakan selepas menerima persetujuan daripada pihak BEM JPT.

**J. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 15 Disember 2016**

**K. SEKRETARIAT PROGRAM CLMV**

1. Sila kemukakan Kertas Cadangan Penyelidikan Kajian Impak Pelaksanaan Program CLMV di alamat seperti berikut:

Pengarah

Bahagian Education Malaysia

Jabatan Pendidikan Tinggi

Kementerian Pendidikan Tinggi

Aras 4, No.2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5

62200 W.P. Putrajaya

**(U/P: Encik Chua Yong Wei)**

Emel: [chua@mohe.gov.my](mailto:chua@mohe.gov.my)

No. Tel: 03-8870 6606

No. Faks: 03-8870 6853



# BORANG KERTAS CADANGAN KAJIAN IMPAK PELAKSANAAN PROGRAM CLMV

<b>1) Alamat Institusi:</b>
<b>2) Ketua Penyelidik:</b>
<b>3) Tajuk Kajian</b> (Perlu spesifik dan mencerminkan bidang yang hendak dikaji)
<b>4) Tempoh Masa Pelaksanaan Penyelidikan:</b> (Maksimum tempoh penyelidikan ialah 6 bulan) Tempoh:  Dari : Sehingga:
<b>5) Ringkasan Eksekutif (mak. 300 patah perkataan)</b> (Perlu mengandungi Pernyataan Masalah, Objektif, Metodologi, Jangkaan Output dan Kesignifikan Output yang berlandaskan kepada penyelidikan dasar pendidikan tinggi.
<b>6) Latar Belakang / Tinjauan Literatur</b> (Penjelasan Tajuk, Kejelasan Pernyataan Masalah, Keselarasan dengan Dasar Kerajaan/Agenda Nasional/Aspirasi KPT – nyatakan isu/masalah dasar sedia ada yang berkaitan)

### 7) Objektif Kajian

(Perlu spesifik, boleh diukur, boleh dicapai, realistik dan menepati tempoh kajian yang ditetapkan. Objektif kajian perlu berkait dengan pernyataan masalah).

### 8) Metodologi

(Jelas, perincian kaedah / metodologi kajian [kualitatif / kuantitatif]. Perlu mengandungi Perancangan Aktiviti Pelaksanaan Kajian: Lokasi kajian, Populasi dan Sample, Instrumen Kajian, Prosedur Pengumpulan dan Analisis Data. Perlu mengandungi Carta Gantt, dan Carta Perbatuan. Carta Alir Kaedah / Metodologi Kajian boleh disertai bersama sebagai Lampiran tambahan (sekiranya perlu).

### 9) Jangkaan Hasil Kajian

(Impak kepada penambahbaikan dasar / garis panduan / *Standard Operating Procedure* sektor pendidikan tinggi. Memberi sumbangan penting kepada pelaksanaan dan pemantauan pendidikan / pengajian tinggi / dasar / garis panduan / *Standard Operating Procedure* sedia ada). Setiap kajian dipohon menghasilkan penerbitan yang sesuai seperti buku, bab dalam buku, artikel dalam jurnal, dan lain-lain.

### 9a. Pengalaman Ketua Penyelidik (berkaitan dengan bidang kajian ini)

(Senaraikan kajian / penyelidikan / projek [terkini dan aktif] di bawah seliaan Ketua Penyelidik yang mendapat pembiayaan Dana Penyelidikan KPT / lain-lain sumber)

### 9b. Senarai Nama Ahli Pasukan

(Komposisi pasukan penyelidik yang pelbagai daripada pelbagai jenis institusi. Sila kekilkan butiran ringkas penyelidik seperti di Lampiran A.)

### 10) \*Anggaran Kos Kajian (RM)

Vot		Perincian Bajet	Jumlah (RM)	Jumlah (RM)
11000	Gaji			
14000	Elaun lebih masa			

21000	Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup			
22000	Pengangkutan barang-barang (tel/faks/pos/dll)			
23000	Perhubungan dan utiliti			
24000	Sewaan			
25000	Bekalan makanan dan minuman			
26000	Bekalan bahan mentah dan bahan-bahan untuk penyelenggaraan dan pembaikan			
27000	Bekalan dan bahan lain (termasuk haiwan, pokok dan benih untuk penyelidikan)			
28000	Penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli			
29000	Perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan kain-kain yang dibeli termasuk percetakan, 3ospitality dan honorarium			
35000	Peralatan dan harta modal (Sila berikan justifikasi dan sebutharga sekiranya ingin membeli peralatan)			
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				

### 11) TANDATANGAN PEMOHON

Nama:

Cop:

Tarikh: \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_

### 12) PERAKUAN OLEH JAWATANKUASA PENILAIAN PERINGKAT PTJ

Sila tandakan kotak berkenaan.

Disarankan:

- |                          |  |
|--------------------------|--|
| <input type="checkbox"/> | A. Sangat disokong                       |
| <input type="checkbox"/> | B. Disokong dengan pindaan               |
| <input type="checkbox"/> | C. Tidak disokong (Sila nyatakan alasan) |

Ulasan umum:

Tandatangan dan Cop  
Pengerusi Jawatankuasa Penilaian PTJ

Tarikh:

Dengan ini, saya mengesahkan bahawa permohonan ini telah memenuhi kesemua senarai semak yang diperlukan dan kajian ini belum pernah dilaksanakan lagi dalam program ini.

Tandatangan dan Cop Dekan/Pengarah PTJ

Tarikh

**TEMPLATE FOR BRIEF CURRICULUM VITEA (CV) TO BE COMPLETED FOR ALL RESEARCHERS**

**1. PERSONAL DATA**

Name :

Nationality :

Please affix your photo  
here

Current Position :

Qualifications :

Field of specialisation :

Tel (office) /HP No. :

Fax No. :

Email :

**2. ACHIEVEMENTS**

On-going grants :

Completed grants :

Graduated students :

Postgraduate under  
supervision :

Patents/Copyrights/  
Filing :

Achievements/Awards /  
Recognitions :

**3. CURRENT RESEARCHS AND PAST RELATED RESEARCHS:**

**4. RESEARCH PUBLICATIONS:**